

# Sistem automatik elak manipulasi data

Oleh MOHD. FADHLI  
MOHD. SULAIMAN  
fadhlisulaiman@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Sebuah badan bebas yang berfungsi untuk memantau dan mengaudit dengan seketari-ketattività jabatan kerajaan dengan vendor-vendor yang dilantik dalam pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) perlu diwujudkan.

Ini bagi memastikan tidak berlaku isu kecurian dan manipulasi di dalam sistem jabatan kerajaan terutama dalam pengeluaran PLKS yang dilaporkan telah dicetak ratusan ribu.

Pakar keselamatan siber Fakulti Sains Komputer dan

Teknologi Maklumat, Universiti Malaya (UM), Prof. Dr. Miss Laiha Mat Kiah berkata, walaupun badan berkenaan tidak menjamin penyelesaian isu manipulasi data, sekurang-kurangnya ia mengurangkan kadar ketirisan dalam jabatan kerajaan.

"Badan bebas ini boleh jadi sesiapa sahaja yang memantau dan mengaudit kedua-dua pihak tetapi mereka haruslah bersikap objektif. Selaras beberapa kali, kena semak semula polisi ada sama ada sesuai atau sebaliknya.

"Tidak boleh nak tuduh vendor seratus peratus salah dalam hal ini kerana mereka mahukan perniagaan. Mereka akan ikut

pihak lain juga. Apa yang perlu dilakukan adalah menyemak semula sistem sedia ada.

"Jika mereka ada semuanya (sistem) tetapi tiada polisi yang jelas, tiada pemantauan dan penguatkuasaan, tiada guna," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

*Utusan Malaysia* melaporkan terdapat vendor yang dilantik oleh Jabatan Imigresen telah bertindak sebagai klon jabatan apabila mencuri dan memanipulasi data di dalam sistem mereka untuk mengeluarkan PLKS.

Kegiatan itu diketuai seorang lelaki bergelar Datuk yang mampu mengaut keuntungan sehingga RM600 juta setahun

dan ratusan ribu kad PLKS telah dicetak dengan bayaran RM8,000 setiap tahun.

Senada dengan beliau, pakar biometrik merangkap Pensyarah Kanan Jabatan Kepintaran Buatan (AI), universiti awam, Dr. Aznul Qalid Md. Sabri berkata, sistem automatik yang berfungsi untuk merekod akses keluar masuk dan sebarang aktiviti dalam sistem simpanan data termasuk pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) perlu diwujudkan.

Menurutnya, tanpa sistem seperti itu, kemungkinan besar isu kecurian data oleh pihak tidak bertanggungjawab akan berlarian sekali gus menafikan hak para pekerja syarikat atau

warga asing yang sepatutnya memperoleh pas sah namun terhalang akibat sindiket yang mengambil kesempatan dalam pengurusan pangkalan data.

"Tengok semula sistem... apa data kritis yang perlu dilindungi. Lepas itu kena ada satu perisian untuk pantau kepada akses dan aktiviti yang dilakukan dalam sistem tersebut. Sebarang aktiviti yang mengejutkan boleh dikenal pasti.

"Selain itu, kerajaan juga perlu meneliti apakah ciri-ciri yang terdapat dalam kad palsu PLKS. Mesti ada corak yang menyebabkan ada *loophole* pada sistem yang membolehkan pas lawatan palsu itu dikeluarkan," katanya.